

SOALAN LAZIM
PERADUAN MENCARI SUPERHEROES

1. **Soalan:**
Apakah **Peraduan Mencari Superheroes**?

Jawapan:

Peraduan Mencari Superheroes merupakan peraduan khas yang diadakan oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sempena penganjuran Kempen Bulan Menabung Simpan SSPN (BMS) 2025. Peraduan ini diadakan untuk meraikan wira-wira sebenar dalam kehidupan anak-anak iaitu ibu bapa.

2. **Soalan:**
Bilakah tempoh **Peraduan Mencari Superheroes** ini bermula?

Jawapan:

Tempoh **Peraduan Mencari Superheroes** ini bermula pada **1 Oktober 2025 sehingga 25 Oktober 2025**.

3. **Soalan:**
Siapakah yang layak untuk menyertai **Peraduan Mencari Superheroes**?

Jawapan:

Terbuka kepada semua pendeposit dan/ atau Penerima Manfaat Simpan SSPN **KECUALI** kakitangan PTPTN dan ahli keluarga (merangkumi pasangan dan anak-anak).

4. **Soalan:**
Bagaimanakah cara penyertaan **Peraduan Mencari Superheroes**?

Jawapan:

- i. Peserta hendaklah menghasilkan video yang kreatif dan menarik dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris mengenai pengalaman perancangan mereka dalam menguruskan kewangan pendidikan anak sebagai pendeposit dan/ atau penerima manfaat Simpan SSPN. Video mestilah bertemakan “Menabung” dan “Superhero” serta wajib mengandungi mesej positif mengenai pentingnya menabung bersama Simpan SSPN. Pengalaman yang dikongsi bukan sahaja menonjolkan peranan ibu bapa sebagai “superhero kewangan”, malah menekankan kepentingan pengurusan kewangan yang bijak, konsisten dan penuh kasih sayang.
- ii. Kandungan video perlu membawa mesej yang kuat dan jelas serta mampu menjadi contoh yang baik dalam mengalakkan amalan penabungan untuk masa hadapan anak.
- iii. Durasi video **hendaklah tidak melebihi 3 minit**.
- iv. Peserta perlu memuat naik video ke akaun media sosial masing-masing samada Facebook/ Tiktok/ Instagram beserta hashtag rasmi #MencariSuperheroBMS2025, #BMS2025, #SimpanSSPN dan #WorldSavingsDay serta memastikan profil akaun media sosial berada dalam **mod Public**.
- v. Peserta perlu tag akaun rasmi media sosial PTPTN, @PTPTNOfficial.
- vi. Video perlu dimuat naik **sebelum atau selewat-lewatnya 25 Oktober 2025, jam 11:59 malam**.
- vii. Peserta perlu mengisi borang penyertaan melalui Google Form di pautan: <https://bit.ly/mencarisuperheroes> **selewat-lewatnya 25 Oktober 2025, jam 11:59 malam**.

5. Soalan:

Apakah peraturan tambahan bagi **Peraduan Mencari Superheroes**?

Jawapan:

- i. Kandungan video mestilah bersesuaian untuk tontonan semua lapisan umur dan masyarakat.
- ii. Pakaian peserta hendaklah bersesuaian, kemas, sopan dan tidak dibenarkan memakai pakaian yang mencolok mata.
- iii. Sekiranya terdapat *props*, poster atau bahan visual yang berkaitan PTPTN digunakan dalam kandungan video, hendaklah menampilkan logo rasmi Simpan SSPN atau PTPTN yang terkini. Penggunaan logo versi lama atau tidak rasmi **tidak dibenarkan**.
- iv. Peralatan yang digunakan dalam kandungan video dan aksi yang mendatangkan risiko keselamatan adalah tidak dibenarkan.
- v. Kandungan, pilihan lagu atau sebarang audio dan peralatan yang digunakan dalam video **TIDAK BOLEH** mengandungi sebarang elemen/ unsur-unsur negatif, menyentuh sensitiviti keagamaan, perkauman dan politik serta melibatkan mana-mana agensi lain.
- vi. Peserta dibenarkan untuk muat naik lebih daripada satu (1) video, tetapi hanya layak memenangi satu (1) hadiah sahaja.

6. Soalan:

Bagaimanakah pemilihan pemenang **Peraduan Mencari Superheroes** dibuat?

Jawapan:

- i. Pemenang akan dinilai berdasarkan kriteria berikut:
 - Kualiti video dan audio yang jelas serta penyampaian visual yang menarik;
 - Tahap kreativiti idea dan keaslian kisah yang ditampilkan;
 - Keupayaan menyampaikan mesej yang memberi inspirasi serta menerapkan nilai-nilai murni;
 - Kekemasan dari aspek suntingan dan naratif; dan
 - Tahap keterlibatan (*engagement*) video di media sosial seperti jumlah tontonan, komen, perkongsian dan reaksi – sebagai nilai tambah kepada penilaian.
- ii. Keputusan pemenang yang diumumkan oleh PTPTN adalah **muktamad**. Sebarang surat- menyurat, pertanyaan, rayuan, bantahan atau cubaan mempertikaikan keputusan tidak akan dilayan bagi mana-mana situasi.

7. Soalan:

Apakah hadiah yang ditawarkan dalam **Peraduan Mencari Superheroes** ini?

Jawapan:

PEMENANG	HADIAH TUNAI (RM)	BILANGAN PEMENANG
Utama	10,000.00	1

8. Soalan:

Bagaimanakah makluman kepada pemenang hadiah **Peraduan Mencari Superheroes** akan dibuat?

Jawapan:

Pemenang akan dimaklumkan melalui e-mel/ media sosial rasmi PTPTN, @PTPTNOfficial

atau kaedah penyampaian lain yang bersesuaian.

9. Soalan:

Bilakah hadiah tunai **Peraduan Mencari Superheroes** akan dikreditkan ke akaun pemenang?

Jawapan:

Hadiah berbentuk ganjaran tunai yang dimenangi akan dikreditkan ke dalam akaun Simpan SSPN Prime pemenang yang dibuka untuk diri sendiri dalam tempoh **DUA (2) BULAN** daripada tarikh pengumuman pemenang. Sekiranya pemenang tidak mempunyai akaun, pihak PTPTN akan membuat pembukaan akaun tersebut secara ***pre-opening***.

*Nota: Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami Terma & Syarat penuh
Peraduan Mencari Superheroes*

Maklumat dikemaskini pada 11 September 2025